

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 MAC 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 19

Kumpul data 1.2 juta pertubuhan

BANCI EKONOMI 2023

Kumpul data 1.2 juta pertubuhan

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Dianggarkan sebanyak 1.2 juta pertubuhan akan memberi data penting kepada kerajaan menerusi pelaksanaan Banci Ekonomi 2023 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Banci ekonomi ini meliputi semua pertubuhan perniagaan dan pertubuhan bukan berasaskan keuntungan di Malaysia membabitkan sektor ekonomi iaitu Pertanian, Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & Pengkuarian dan Perkhidmatan.

Banci Ekonomi 2023 berbeza dengan banci ekonomi sebelum ini kerana subsektor Perdagangan Borong & Runcit pertama kali diliputi yang mana sebelum ini Banci Ekonomi dan Banci Perdagangan Borong & Runcit dijalankan secara berasingan.

Ia juga adalah banci pertama yang meliputi semua aktiviti ekonomi bagi tahun rujukan 2022.

Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata, Banci Ekonomi 2023 adalah banci kelima dilaksanakan setiap lima tahun sekali, yang mana kali terakhir banci ekonomi dilaksanakan adalah pada 2016.



RAFIZI menunjukkan laporan Statistik Ekonomi Tahunan 2022 ketika melawat pameran Jabatan Perangkaan selepas majlis pelancaran Banci Ekonomi 2023.

Beliau berkata, banci ekonomi itu juga sebenarnya sudah dirancang untuk dilaksanakan pada 2021, tetapi terpaksa ditunda berikutan penularan wabak Covid-19 yang melanda negara pada Mac 2020.

"Setiap lima tahun, DOSM melaksanakan banci ekonomi. Pada tahun ini, DOSM akan menjalankan Banci Ekonomi 2023. Ia adalah satu pelaburan di mana pelbagai maklumat di peringkat granular yang sedia ada, ia dapat mewujudkan 'data raya' lebih komprehensif yang boleh membantu kerajaan membuat keputusan dengan tepat.

Malaysia (SSM) akan diliputi dalam Banci Ekonomi 2023 membabitkan pertubuhan mikro sebanyak 75.2 peratus, kecil 20.5 peratus, sederhana 1.6 peratus dan besar 2.7 peratus.

"Apabila data ini digabungkan dengan data lain di peringkat granular yang sedia ada, ia dapat mewujudkan 'data raya' lebih komprehensif yang boleh membantu kerajaan membuat keputusan dengan tepat.

"Ada perkara baru juga yang akan mula dibanci buat pertama kalinya iaitu sektor baharu seperti kenderaan elektrik (EV), e-sukan, dron dan perangkaan sosio ekonomi baru, contohnya pembelian oleh belia," katanya kepada media pada Majlis Pelancaran Banci Ekonomi 2023.

Bertemakan Data Pemangkin Ekonomi Negara, Banci Ekonomi 2023 adalah penting dilaksanakan bertu-

juan untuk menilai pencapaian Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Antara maklumat yang dikutip dalam Banci Ekonomi 2023 adalah pendapatan, output, perbelanjaan, bilangan pekerja serta gaji dan upah bagi setiap pertubuhan.

Selain itu, maklumat berkenaan struktur hak milik, perbelanjaan modal dan nilai harta tetap, utiliti, kemudahan pembiayaan, inovasi dan penyelidikan, import dan eksport, perbelanjaan alam sekitar serta teknologi, revolusi perindustrian keempat dan sekutu asing turut dikutip dalam Banci Ekonomi 2023.

Rafizi berkata, data adalah penting untuk membuat keputusan berasaskan bukti atau fakta dan data membantu membuat perancangan yang menggunakan pendekatan strategik yang dapat mengoptimalkan sumber yang terhad.

Menerusi banci itu juga, punca pertumbuhan baharu ekonomi dapat dikenal pasti dan DOSM berupaya menajana statistik ekonomi baharu yang ketara untuk dipantau.

Antara statistik baharu yang boleh dikeluarkan ialah statistik industri EV dan sistem pesawat tanpa pemandu (Unmanned Aircraft System) yang lebih dikenali sebagai dron.

Selain itu, Banci Ekonomi

2023 juga berupaya membekalkan statistik utama ekonomi sehingga ke peringkat daerah, yang mana ia dapat membantu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk membuat perancangan strategik yang berkesan.

Penemuan daripada banci itu turut dapat meningkatkan kapasiti statistik data raya negara serta menjadi penanda aras baharu untuk dijadikan sebagai angka asas penyusunan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Jadual Input-Output dan pelbagai indeks.

"Banci ini akan bermula April dan berakhir September 2023.

Pertubuhan boleh memberi maklum balas melalui pengisian maklumat dalam talian yang dikenali sebagai e-BE atau secara pos menggunakan borang soal selidik.

Sementara itu, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, maklumat daripada Banci Ekonomi 2023 itu akan dimasukkan dalam OpenDOSM NextGen.

Beliau berkata, platform itu menawarkan antara muka moden yang direka untuk pelbagai peringkat pengguna termasuk pembuat dasar, perniagaan, penyelidik, golongan belia pelajar, wartawan, saintis data dan semua lapisan masyarakat.

"Ia adalah satu pelaburan di mana pelbagai maklumat di peringkat pertubuhan akan dikumpul"
Rafizi